SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2023 Pengajian Am Semester 2 Labuan + Skema

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Nombor kad pengenalan: ..... Nama : .....

SMKLABUANSMKLABUANSMKLABUANSMKLABUANSMKLABUANSMKLABUANSMKLABUAN
SMKLABUANSMKLABUANSMKLABUANSMKLABUANSMKLABUANSMKLABUANSMKLABUAN
SMK **900/2** BUANSMKLABUANSMKLABUANSMKLABUAN **STPM 2023** AN
SMK BU N AN
SMKLABUANSMKLABU **PENGAJIAN AM** NSMKLABUANSMKLABUAN
SMKLABUANSMKLABUANSMKLABUANSMKLABUANSMKLABUANSMKLABUAN
SMKLABUANSMKLABUANSMKL CLABUANSMKLABUANSMKLABUAN
SMKLABUANSMKLABUANSMKL **KERTAS 2** CLABUANSMKLABUANSMKLABUAN
SMKLABUANSMKLABUANSMKLABUANSMKLABUANSMKLABUANSMKLABUANSMKLABUAN
SMKLABUANSMKLABUANSM **(Satu Jam Setengah)** JANSMKLABUANSMKLABUAN
SMKLABUANSMKLABUANSM JANSMKLABUANSMKLABUAN
SMKLABUANSMKLABUANSMKLABUANSMKLABUANSMKLABUANSMKLABUANSMKLABUAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SEMESTER 2 TAHUN 2023

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Kertas ini mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

Calon dikehendaki menjawab **semua** *soalan dalam Bahagian A dan* ***satu*** *soalan Bahagian B dan Bahagian C.*

Calon dikehendaki menjawab soalan dalam Bahagian A pada ruang yang disediakan.

Gunakan helaian jawapan bagi menjawab soalan dalam bahagian B dan C. Mulakan setiap jawapan pada helaian kertas yang baharu dan susun jawapan anda mengikut tertib berangka. Ikat helaian jawapan anda bersama dengan kertas soalan ini.

Markah untuk tiap-tiap bahagian soalan dan soalan diberikan dalam tanda kurung [ ].

Untuk kegunaan pemeriksa	
Bahagian A	
1	
2	
3	
4	
Bahagian B	
Bahagian C	
Jumlah	

Kertas soalan ini terdiri daripada 5 halaman bercetak.

Bahagian A [15 *markah*]

Jawab **semua** *soalan. Tulis jawapan dalam ruang yang disediakan.*

1. Nyatakan **empat** hasrat negara yang ingin dicapai melalui Rukun Negara [4]

a) .....

b) .....

c) .....

d) .....

2. Senaraikan **empat** perubahan struktur dalam strategi pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur [4]

a) ……..……

b) ……..

c) ……..……

d) ……..

3. Berikan **tiga** objektif Dasar Sosial Negara [3]

a) ……..…

b) ……..…

c) ……..

4. Jelaskan **dua** kesan ketidakstabilan politik kepada negara [4]

a) ……..……

……

b) ……

……

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

Bahagian B [20 *markah*]

Jawab **satu** *soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.*

5. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan **kuantiti pengeluaran eksport** barangan utama terpilih di Malaysia bagi tahun-tahun yang dinyatakan.

Sektor pertanian dan perlombongan terus menjadi penyumbang utama kepada pendapatan eksport negara di samping dapat membekalkan bahan mentah kepada industri tertentu di Malaysia. Jumlah pengeluaran eksport barangan utama terpilih di Malaysia pada tahun 2002 mencatatkan jumlah keseluruhan sebanyak 27 806 ribu tan metrik dan dianggarkan meningkat sehingga 37 681 ribu tan metrik pada tahun 2005.

Pengeluaran minyak sawit Malaysia mencatatkan peningkatan yang berterusan dari tahun 2002 hingga tahun 2004 berikutan dengan peningkatan hasil sehektar dan harga minyak sawit yang tinggi. Pada tahun 2002, minyak sawit mencatatkan pengeluaran sebanyak 11 909 ribu tan metrik, iaitu pengurangan sebanyak 1446 ribu tan metrik berbanding dengan tahun 2003. Pengeluaran minyak sawit terus meningkat kepada 13 976 ribu tan metrik pada tahun 2004 dan dianggarkan meningkat sebanyak 1324 ribu tan metrik pada tahun 2005.

Gas asli cecair pula menunjukkan pengeluaran yang tinggi selaras dengan pertambahan medan gas asli cecair yang baru beroperasi. Pada tahun 2002 sahaja, pengeluarannya adalah sebanyak 15 007 ribu tan metrik dan meningkat kepada 20 729 ribu tan metrik pada tahun 2004, iaitu peningkatan sebanyak 3418 ribu tan metrik berbanding dengan pengeluaran pada tahun 2003. Pengeluaran ini dijangka meningkat lagi kepada 20 936 ribu tan metrik pada tahun 2005.

Pengeluaran getah pula mencatat peningkatan yang berterusan hingga tahun 2004, tetapi dianggarkan merosot pada tahun 2005 kerana keluasan kawasan tanaman getah yang semakin berkurang. Pada tahun 2002, pengeluaran getah adalah sebanyak 890 ribu tan metrik dan terus meningkat sebanyak 96 ribu tan metrik pada tahun 2003. Pada tahun 2004, pengeluaran getah meningkat lagi sebanyak 182 ribu tan metrik berbanding dengan tahun sebelumnya, tetapi diramalkan mengalami penurunan pada tahun 2005 setelah mencatatkan peningkatan dari tahun 2002 hingga tahun 2004, iaitu kepada 1445 ribu tan metrik.

(Disesuaikan daripada Kementerian Kewangan Malaysia,
Laporan Ekonomi 2005/2006, Kuala Lumpur)

Bahagian C [25 *markah*]

Pilih **satu** *daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan. Calon hendaklah mengemukakan* **lima** *isi atau idea sahaja bagi karangan yang dihasilkan,*

7. Pada masa ini, prinsip Rukun Negara semakin terpinggir dan seolah-olah dilupakan. Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilakukan bagi memupuk kesedaran penghayatan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan masyarakat. Bincangkan. [25]

8. Kekurangan modal bukanlah satu-satunya masalah yang dihadapi oleh Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dalam negara. Justeru, langkah berkesan perlu dijalankan bagi mengatasi masalah tersebut. Bincangkan. [25]

SOALAN TAMAT

SKEMA JAWAPAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN
PENGAJIAN AM SEMESTER 2
STPM 2023

Bahagian A (15 Markah)

1. Nyatakan **empat** hasrat negara yang ingin dicapai melalui Rukun Negara. [4]

Skema Jawapan:	
i.	Mencipta satu masyarakat yang adil agar kemakmuran negara dapat dinikmati bersama- sama secara adil dan saksama
ii.	Memelihara cara hidup yang demokratik
iii.	Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat
iv.	Membentuk satu sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai corak
v.	Membina sebuah masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden

Jawapan : mana-mana 4 idea

2. Senaraikan **empat** perubahan struktur dalam strategi pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur [4]

Skema Jawapan:	
i.	Penggunaan Kad Perakam Waktu Kerja (Punch Card)
ii.	Penggunaan Tanda Nama (Name Tag)
iii.	Penubuhan Pasukan Meningkat Mutu Kerja (QCC)
iv.	Pengenalan Konsep Pejabat Terbuka
v.	Pembukaan Perkhidmatan Kaunter/Perkhidmatan Pembayaran Bil Setempat
vi.	Penggunaan Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja

Jawapan : mana-mana 4 idea

3. Berikan **tiga** objektif Dasar Sosial Negara [3]

Skema Jawapan:	
i.	Memastikan keperluan asas individu, keluarga dan masyarakat dipenuhi
ii.	Membangun dan memperkasakan insan sepanjang hayat
iii.	Memperkukuhkan dan membangunkan sistem sokongan social dan perkhidmatan sosial
iv.	Menjana sinergi multisektor

Jawapan : mana-mana 3 idea

BAHAGIAN B: (20 Markah)


***Soalan 5* (*JAWAPAN : GRAF BAR KOMPAUN*)**

MALAYSIA: KUANTITI PENGELUARAN EKSPORT BARANGAN UTAMA TERPILIH DARI TAHUN 2002 HINGGA ANGGARAN TAHUN 2005

Tahun / Barangan utama	Kuantiti pengeluaran eksport barangan utama terpilih (ribu tan metrik)			
	2002	**2003**	**2004**	**2005 (Anggaran)**
Minyak sawit	11 909	13 355	13 976	15 300
Gas asli cecair	15 007	17 311	20 729	20 936
Getah	890	986	1 168	1 445

(Disesuaikan daripada Kementerian Kewangan Malaysia,
Laporan Ekonomi 2005/2006, Kuala Lumpur)

MALAYSIA: KUANTITI PENGELUARAN EKSPORT BARANGAN UTAMA TERPILIH DARI TAHUN 2002 HINGGA ANGGARAN TAHUN 2005



(Disesuaikan daripada Kementerian Kewangan Malaysia
Laporan Ekonomi 2005/2006, Kuala Lumpur)

Bahagian C [*25 markah*]

7. Pada masa ini, prinsip Rukun Negara semakin terpinggir dan seolah-olah dilupakan. Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilakukan bagi memupuk kesedaran penghayatan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan masyarakat. Bincangkan.

Pendahuluan

Prinsip Rukun Negara menjadi panduan kepada setiap masyarakat untuk mengeratkan perpaduan kaum. Pelbagai faktor yang menyebabkan semangat Rukun Negara semakin terpinggir dan usaha yang boleh dilakukan bagi memupuk kesedaran penghayatan prinsip Rukun Negara dalam kalangan masyarakat.

BIL	IDEA / ISI	HURAIAN
1.	**Punca dipinggirkan** Kurang memahami sejarah pembentukan Rukun Negara	• Tidak memahami dan mengetahui bagaimana tercetusnya pembentukan Rukun Negara • Kurang memahami fungsi dan kepentingan Rukun Negara kepada perpaduan rakyat • Mengganggap Rukun Negara sebagai satu retorik yang diturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain
2.	Kewujudan sentimen politik perkauman	• Banyak sentimen politik perkauman dan kebencian yang telah melanda negara sehingga wujud pencabulan terhadap Rukun Negara • Terdapat golongan yang berani mempertikaikan kedaulatan undang-undang dan keluhuran Perlembagaan Persekutuan • Pertikaian secara terbuka oleh ahli-ahli politik dan individu telah mengetepikan Rukun Negara sebagai ideologi negara yang merupakan tonggak jaminan keharmonian dan nilai hidup anggota masyarakat
3.	Kurangnya jati diri masyarakat	• Rakyat yang tidak mempunyai jati diri yang teguh akan mudah terpengaruh dengan budaya hedonisme dan hilang amalan berbudi bahasa yang sepatutnya menjadi pegangan masyarakat • Tiidak mempunyai rasa tanggungjawab kepada negara sehingga berlaku penghinaan kepada institusi beraja dan pelanggaran undang-undang
4.	Pengaruh media sosial	• Media sosial elektronik yang sangat popular dan dekat dengan generasi muda telah banyak menyebarkan isu-isu yang tidak betul dan sensitif • Mempersoalkan perkara-perkara atau isu yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan • Penggunaan media social tanpa kawalan dan etika turut menyumbang kepada penghakisan penghayatan Rukun Negara

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar